

**SOALAN NO. 44****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai purata kenaikan gaji tahunan (RM) setiap kakitangan awam mengikut tahun dari 2010 hingga sekarang, mengikut kumpulan pangkat iaitu 22 ke bawah , 23-40 , 41-44 , 48-54, Khas/Utama C-A dan Khas/Utama Turus III-I.**

109

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prinsip penetapan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) penjawat awam adalah berasaskan faktor kompleksiti tugas, beban kerja, skop tugas dan akauntabiliti. Secara umumnya semakin tinggi gred sesuatu jawatan maka semakin tinggi kompleksiti tugas, semakin tinggi beban tugas dan semakin luas skop kerja yang dipertanggungjawabkan kepada penjawat awam berkenaan. Prinsip ini adalah prinsip sejagat yang bukan sahaja terpakai dalam perkhidmatan awam malahan diamalkan di sektor swasta.

Bagi Kumpulan Pelaksana Gred 40 ke bawah, sejak 1 Januari 2012 bergantung kepada gred jawatan, julat KGT yang ditetapkan adalah antara RM80 hingga RM225 berbanding julat KGT pada tahun 2010 antara RM 40.84 hingga RM199.65. Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 hingga Gred 54 pula, sejak 1 Januari 2012, julat KGT yang ditetapkan adalah antara RM225 hingga RM400 berbanding julat KGT pada tahun 2010 antara RM90.45 hingga RM203.16. Bagi Kumpulan Gred Utama/Khas C hingga Gred Utama/Khas A, sejak 1 Julai 2016, julat KGT yang ditetapkan adalah antara RM690.84 hingga RM813.42 berbanding julat KGT pada tahun 2010 antara RM640.47 hingga RM754.44. Manakala bagi Kumpulan Turus III hingga Turus I, sejak 1 Julai 2016, julat KGT yang ditetapkan adalah antara RM895.05 hingga RM1073.79 berbanding julat KGT pada tahun 2010

antara RM862.37 hingga RM1030.00. Perlu ditegaskan bahawa perbezaan julat KGT antara kumpulan-kumpulan ini mencerminkan tahap kompleksiti tugas, beban kerja, skop tugas dan akauntabiliti.

Penambahbaikan KGT dari masa ke semasa oleh Kerajaan merupakan usaha berterusan untuk menjaga kebajikan penjawat awam. Selain dari penambahbaikan KGT, struktur Jadual Gaji Minimum Maksimum (JGMM) juga telah ditambah baik dari masa ke semasa bagi memastikan gaji penjawat awam sentiasa kompetitif. Penambahbaikan JGMM ini juga secara tidak langsung telah memberi manfaat kenaikan gaji pokok penjawat awam disamping menikmati KGT yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.